



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PEMBERIAN BIDANG KUASA KEPADA HAKIM MAHKAMAH SESYEN DI BAWAH  
AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN)  
1976 [AKTA 164]**

Sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2(2) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dan melalui Pemberitahuan Pemberian Bidang Kuasa Kepada Hakim Mahkamah Sesyen 2020 [P.U.(B) 374/2020] bagi Semenanjung Malaysia dan [P.U.(B) 375/2020] bagi Sabah dan Sarawak yang kedua-duanya berkuat kuasa pada 1 Julai 2020, pemberian bidang kuasa adalah diberikan kepada dua puluh sembilan (29) orang Hakim Mahkamah Sesyen di Semenanjung Malaysia dan enam (6) orang Hakim di Mahkamah Sesyen Sabah dan Sarawak bagi menguruskan apa-apa perkara di bawah Akta 164.

Sebagai perintis, bagi Mahkamah di Semenanjung Malaysia, dua (2) orang Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan dua (2) orang Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor telah dilantik manakala bagi Mahkamah di Sabah dan Sarawak, tiga (3) orang Hakim Mahkamah Sesyen Kuching, dua (2) orang Hakim Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu dan satu (1) orang Hakim Mahkamah Sesyen Sandakan telah dilantik untuk mengendalikan pendengaran kes di bawah Akta 164 berkuat kuasa 1 Oktober 2020.

Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa akan mendengar kes/prosiding bagi Petisyen Perceraian Bersama di bawah Seksyen 52 Akta 164 dan Permohonan Pengecualian daripada merujuk kes kepada Badan Pendamai di bawah Seksyen 106 Akta 164.

Tatacara pendengaran kes bagi Hakim Mahkamah Sesyen yang diberikan bidang kuasa di bawah Akta 164 ini boleh didapati melalui Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil. 2 Tahun 2020 dan Arahan Amalan Hakim Besar Sabah dan Sarawak Bil. 1 Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 1 Oktober 2020**